

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN AHMAD MARZUKI BIN SHAARY  
(BACHOK)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 23.11.2017**

**Y.B. TUAN AHMAD MARZUKI BIN SHAARY [ BACHOK ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah kos kajian, perundingan dan penjelasan yang telah ditanggung oleh Kerajaan dalam usaha menerangkan kepada rakyat dan negara-negara lain berkenaan isu 1MDB.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan tidak membiayai sebarang kos kajian atau perundingan berkenaan isu 1MDB. Kesemua kos tersebut ditanggung oleh syarikat 1MDB sendiri.

**Soalan ( 45 )****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23 NOVEMBER 2017  
[ KHAMIS ]

DARIPADA : YB TUAN WONG LING BIU  
[SARIKEI]

**SOALAN :-**

YB TUAN WONG LING BIU [SARIKEI] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengelakkan rumah panjang di Sarawak terbakar dan apakah tindakan yang diambil untuk meminimumkan kerosakan apabila berlaku kebakaran.

Jawapan :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Undang-undang di negara ini berhubung keselamatan kebakaran di rumah kediaman meletakkan tanggungjawab tersebut kepada ketua rumah itu sendiri.

Walau bagaimanapun Kerajaan melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dari masa ke semasa memberikan khidmat nasihat dan mengadakan program untuk meningkatkan kefahaman rakyat berhubung keselamatan kebakaran di semua premis termasuk rumah panjang seperti berikut:

- (i) Mengadakan kempen kesedaran berbentuk pameran, demonstrasi dan '*fire drill*'. Sejak tahun 2015 hingga kini, sebanyak **605** rumah panjang seluruh Sarawak telah terlibat dalam program kempen keselamatan kebakaran;
  
- (ii) Menubuhkan Pasukan Bomba Komuniti dan Pasukan Bomba Sukarela di rumah panjang yang berperanan menyampaikan maklumat kesedaran awam mengenai kepentingan pencegahan

kebakaran dan tindakan awal sekiranya menghadapi kecemasan.

Pada masa ini sebanyak **112** Pasukan **Bomba Komuniti** dengan **1,185 keahlian** dan **9** Pasukan **Bomba Sukarela** telah ditubuhkan di rumah panjang Sarawak dengan keahlian seramai **419 orang**.

- (iii) Mengadakan program '**Fire Point**' di rumah panjang dengan meletakkan beberapa alat **pemadam api** jenis **9 kilogram** dengan jarak **20 meter** setiap satu di sepanjang koridor rumah panjang tersebut. Sejak tahun 2016 hingga kini, sebanyak **216 program 'Fire Point'** telah dilaksanakan di **430 buah rumah panjang**.

Kerajaan juga menggalakkan setiap ketua rumah mengambil inisiatif untuk memasang **alat pengesan asap** (*smoke detector*) di **luar bilik tidur** kerana kebanyakkan kes yang melibatkan **kematian** adalah disebabkan asap akibat kebakaran yang berlaku semasa **penghuni sedang tidur**.

Setiap rakyat di negara ini perlu mempunyai rasa tanggungjawab yang mendalam terutamanya terhadap keluarga masing-masing bagi mengadakan peralatan keselamatan kebakaran.

Sebagai kesimpulannya, konsep keselamatan kebakaran adalah konsep yang menyeluruh dan merangkumi semua pihak. Langkah-langkah ini adalah suatu usaha yang berterusan bagi memastikan aspek pencegahan kebakaran menjadi keutamaan semua pihak di negara ini.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2017

**SOALAN ( 46 )****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23 NOVEMBER 2017  
[ KHAMIS ]

DARIPADA : YB TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH  
[ SUBANG ]

**SOALAN :-**

**YB Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [ Subang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Inisiatif yang telah diambil oleh kerajaan untuk membangunkan Masyarakat India di bawah Pelan Tindakan Masyarakat India Malaysia (MIB) dan keberkesanannya setakat ini dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat India.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Projek-projek yang dilaksanakan oleh SEDIC sepanjang tahun 2014 – 2016 telah berjaya memberi impak kepada masyarakat terutamanya golongan B40 dari seluruh negara. Tumpuan khas diberikan kepada lokasi-lokasi yang mempunyai kepadatan masyarakat India yang tinggi. Sepanjang tempoh ini, hampir 400,000 masyarakat India dari pelbagai kategori seperti guru, murid, belia berisiko tinggi, ibu tunggal dan pekerja berpendapatan rendah telah berjaya mendapat manfaat daripada program-program tajaan SEDIC. Impak ketara yang dapat dilihat dalam kalangan peserta ialah peningkatan pendapatan dan peluang pekerjaan. Peserta telah mendapat ilmu keusahawanan yang membolehkan mereka menceburi bidang perniagaan seperti jahitan, masakan, persolekan, pertanian, penternakan lembu dan juga perniagaan-perniagaan unik seperti dalam bidang optikal, landskap, pemprosesan kacang putih dan memandu teksi.

Hampir 7,000 kanak-kanak dari golongan berpendapatan rendah mengikuti pendidikan pra sekolah tajaan SEDIC. Guru-guru pra sekolah juga telah diberi latihan untuk meningkatkan kompetensi yang secara

tidak langsung telah meningkatkan pendapatan mereka. Selain itu para belia berisiko tinggi dari kawasan pendalaman yang diberi latihan kemahiran sehingga dapat melanjutkan pelajaran atau mendapat pekerjaan dengan pendapatan yang cukup memuaskan. Program intervensi dan kelas bimbingan peringkat sekolah rendah dan menengah telah berjaya memberi manfaat kepada pelajar-pelajar kawasan pendalaman dan berisiko tinggi. Satu program khas yang melibatkan pelajar India berisiko tinggi dikendalikan di hampir 50 sekolah menengah di seluruh negara. Impak secara tidak langsung juga dapat dilihat daripada kursus-kursus *soft skill* seperti keagamaan dan motivasi yang telah berjaya mentransformasi minda masyarakat. Penyertaan guru-guru SJKT dalam program peningkatan profesionalisme Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik memberi impak positif bukan sahaja kepada guru malah kepada pelajar-pelajar mereka.

SEDIC sentiasa memantau pelaksanaan program tajaan SEDIC bagi mempastikan kumpulan sasaran mendapat faedah yang diharapkan. Kajian impak bagi program-program tajaan SEDIC sedang diusahakan dengan kerjasama IPTA/IPTS yang terpilih. Kerajaan akan terus komited untuk membantu semua rakyat Malaysia supaya tidak tertinggal di dalam arus pembangunan.

MIB telah menetapkan sasaran-sasaran yang komprehensif untuk mempastikan pembangunan sosioekonomi masyarakat India secara holistic termasuk

- I. Mendaftarkan isi rumah kaum India dalam program eKasih;
- II. Pembinaan lebih banyak rumah mampu milik untuk kaum India;
- III. Memperkasakan program keusahawanan untuk kaum India;
- IV. Penyediaan lebih banyak peluang pekerjaan untuk masyarakat India;
- V. Meningkatkan bilangan pelajar India di Universiti Awam;
- VI. Memenuhi keperluan asas;
- VII. Merealisasikan potensi setiap kanak-kanak;
- VIII. Menambahbaik kehidupan dankekayaan; dan
- IX. Meningkatkan penyertaan sosial

Sekian, terima kasih.

23 November 2017

**SOALAN ( 47 )****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2017  
[ KHAMIS ]**

**DARIPADA : YB. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS**

**SOALAN :-**

**YB. Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas [Telok Kemang] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan :-**

- (a) pandangan Kerajaan terhadap penjualan arak murah (*cheap liquor*) secara mudah yang semakin berleluasa yang menimbulkan pelbagai masalah sosial seperti keganasan rumah tangga dan *gangsterisme*; dan
- (b) apakah Kerajaan mempunyai rancangan berkenaan masa serta lokasi penjualan arak untuk ditetapkan serta dielakkan dijual di kedai-kedai umum bagi tujuan kawalan disiplin.

109  
**JAWAPAN :-**

Soalan (a)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lesen arak adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan bertanggungjawab untuk mengeluarkan lesen premis perniagaan di bawah Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian.

Soalan (b)

Sebagai contoh, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menguatkuasakan syarat-syarat dari segi lokasi dan masa seperti berikut:

- (i) Mempamerkan lesen sepanjang masa di tempat perniagaan dijalankan;
- (ii) Memastikan tiada pengunjung yang berumur di bawah 21 tahun dan juga pengunjung yang beragama Islam meminum minuman keras.

Papan kenyataan mengenai larangan ini hendaklah dipamerkan di pintu masuk utama premis;

- (iii) Memastikan had masa yang ditetapkan :

<b>Kategori</b>	<b>Waktu operasi</b>
Rumah Awam Kelas 1(hotel, restoran, kafe, lounge bar, pub, pusat hiburan dan rumah kelab)	Sehingga pukul 12.00 tengah malam
Rumah Awam Kelas 2 (kedai kopitiam)	Sehingga pukul 10.00 malam
Rumah Awam Kelas 3	Sehingga pukul 9.00 malam

- (iv) Dilarang menjual minuman keras dalam bentuk sachet.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2017

**SOALAN ( 48 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2017  
[ KHAMIS ]**

**DARIPADA : YB. PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD  
YUSOFF**

**SOALAN :-**

**YB. Puan Hajah Siti Zailah Binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta  
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN  
TEMPATAN menyatakan apakah pendirian Kerajaan terhadap penganjuran  
program pesta arak yang hendak diadakan sedangkan ianya akan  
menjejaskan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan Malaysia.**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelulusan untuk menganjurkan pesta  
arak adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri berdasarkan Enakmen  
Hiburan Negeri yang berkenaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]**

**TARIKH : 23 November 2017 (Khamis)**

**SOALAN : 49**

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

hasil dan kejayaan ESSCOM dan kejayaan ESSCOM sejak penubuhannya.  
Berapakah kos yang telah digunakan sejak penubuhan ESSCOM

113

**JAWAPAN : YB DATO` SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

ESSCOM telah mengukir pelbagai kejayaan sejak penubuhan ESSCOM. Antara kejayaan utama adalah apabila ESSCOM berjaya menghalang sebarang pencerobohan kali kedua oleh kumpulan penjenayah dari selatan Filipina sesuai dengan objektif penubuhannya. Sepanjang 4 tahun penubuhan ESSCOM, ESSCOM juga telah berjaya menggagalkan 13 cubaan culik di perairan Pantai Timur Sabah.

Pada tahun 2016 pula menyaksikan kejayaan ESSCOM dalam mengambil langkah ofensif dengan melakukan penyamaran di atas bot nelayan semasa Op Coral. Kesan daripada itu, pasukan keselamatan (PGA) iaitu "*Tiger Platoon*" telah berjaya menembak mati tiga anggota kumpulan Abu Sayyaf ketika melakukan penculikan pada 8 Disember 2016. Sejak dari kejadian itu, tiada lagi kes penculikan yang dilaporkan berlaku di kawasan perairan Pantai Timur Sabah.

Selain daripada tindakan-tindakan yang diambil oleh ESSCOM melalui atur gerak pasukan keselamatan dan atur gerak aset di sempadan negara,

Bahagian Perisikan dan Bahagian Operasi Laut ESSCOM turut mengadakan kerjasama dengan pasukan keselamatan Filipina dalam membanteras isu-isu keselamatan di perairan Pantai Timur Sabah. Antara tindakan yang diambil melalui kerjasama ini adalah perkongsian risikan dan "coordinated patrolling" oleh kedua-dua pasukan keselamatan. Hasil daripada kerjasama ini, sebahagian besar penjenayah rentas sempadan berjaya dihapuskan.

**Tuan Yang Dipertua,**

ESSCOM telah ditubuhkan pada 1 April 2013 pasca insiden pencerobohan di Lahad Datu. Penubuhan ESSCOM pada ketika itu menggunakan peruntukan darurat yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan berjumlah RM 3.5 juta untuk peruntukan mengurus manakala peruntukan pembangunan berjumlah RM 2.4 juta.

Seterusnya, pada tahun 2014, ESSCOM telah diluluskan sejumlah RM 7.5 juta bagi tujuan peruntukan mengurus untuk perbelanjaan operasi ESSCOM manakala RM 7.5 juta lagi bagi tujuan peruntukan pembangunan. Jumlah bajet ini terus meningkat ke angka RM 17 juta bagi perbelanjaan mengurus dan RM 61 juta bagi perbelanjaan pembangunan pada tahun 2015.

Pada tahun 2016 pula, YAB Perdana Menteri telah memperuntukkan kepada ESSCOM sebanyak RM 125.6 juta. RM 21.4 juta digunakan untuk perbelanjaan mengurus manakala selebihnya sebanyak RM 104.2 juta adalah untuk perbelanjaan pembangunan.

Pada tahun 2017, ESSCOM telah diperuntukkan sebanyak RM 22.5 juta untuk perbelanjaan mengurus dan RM 44 juta untuk perbelanjaan pembangunan. Secara keseluruhannya, jumlah peruntukan mengurus ESSCOM yang telah diberikan sejak penubuhan adalah sebanyak **RM 71.9 juta bagi peruntukan belanja mengurus manakala RM 291 juta bagi peruntukan belanja pembangunan sehingga kini.**